

DECO EXPECTORANT

Guaiphenesin/Tripolidine hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (100mg/1.25mg/30mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DECO EXPECTORANT
2. Bagaimana DECO EXPECTORANT berfungsi
3. Sebelum mengambil DECO EXPECTORANT
4. Cara menggunakan DECO EXPECTORANT
5. Semasa menggunakan DECO EXPECTORANT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DECO EXPECTORANT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang DECO EXPECTORANT. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil DECO EXPECTORANT berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan DECO EXPECTORANT

DECO EXPECTORANT digunakan untuk melegakan simptom masalah saluran pernafasan atas dan batuk berkahak.

Bagaimana DECO EXPECTORANT berfungsi

DECO EXPECTORANT mengandungi *guaiphenesin*, *triprolidine HCL* dan *pseudoephedrine HCL* sebagai bahan aktif.

Guaifenesin adalah sejenis ekspektoran dan bertindak dengan mengurangkan kelikatan mukus di dalam saluran pernafasan supaya ia mudah dibatuk keluar.

Tripolidine Hydrochloride merupakan merupakan antihistamina yang membantu untuk mengurangkan simptom alergi dengan menghalang kesan bahan yang dipanggil histamina, yang dihasilkan dalam badan semasa reaksi alergi.

Pseudoephedrine Hydrochloride adalah dekongestan yang bertindak dengan mengurangkan bengkak pada saluran darah di dalam hidung anda. Ini membantu untuk membuka saluran udara hidung anda, menjadikan pernafasan lebih mudah.

Sebelum mengambil DECO EXPECTORANT

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil DECO EXPECTORANT sekiranya:

- anda mempunyai alahan terhadap *Guaiphenesin* atau *Tripolidine HCL* atau *Pseudoephedrine HCL* atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini.
- anda mempunyai tekanan darah tinggi yang serius
- anda mempunyai penyakit jantung koronari yang serius
- anda sedang menjalani terapi *monoamine oxidase inhibitor* (antidepresi)

DECO EXPECTORANT tidak boleh digunakan pada bayi yang baru lahir atau bayi pra-matang dan untuk merawat simptom masalah saluran pernafasan bahagian bawah seperti asma.

Sebelum mula mengambil

Mengandung dan menyusukan bayi:

Beritahu doktor anda sebelum mengambil DECO EXPECTORANT jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- tekanan darah tinggi
- masalah jantung
- diabetes
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- Peningkatan tekanan intraokular (tekanan dalam mata)
- pembesaran prostat
- kerosakan hati atau buah pinggang yang serius
- batuk yang berterusan atau kronik
- asma
- emfisema (kerosakan pundi udara (alveoli) dalam paru-paru)
- Batuk disertai oleh rembesan yang berlebihan

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor anda sekiranya anda sedang menjalani terapi berikut:

- *monoamine oxidase inhibitor*
- agen antibakteria furazolidone
- agen dekongestan
- *tricyclic antidepressant*
- penahan selera makan
- *amphetamine-like psychostimulant* (meningkatkan kadar otak berfungsi)

- antihipertensi (untuk tekanan darah tinggi) seperti bethyrium, bethanidine, guanethidine, debrisoquine, methyldopa, agen penyekat adrenergik alpha dan beta.

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan DECO EXPECTORANT

Berapa banyak harus digunakan

3 kali sehari dalam dos berikut:

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:
10ml

Kanak-kanak 6-12 tahun:
5ml

Kanak-kanak 2-5 tahun:
2.5ml

Tidak boleh diberi kepada kanak-kanak bawah 2 tahun.

Untuk digunakan dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi pada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan bergantung kepada individu. Dapatkan nasihat doktor.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Sekiranya sudah hampir masa untuk

dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan menggandakan dos untuk mengganti dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak DECO EXPECTORANT.

Simptom berikut mungkin berlaku jika terlebih dos:

- mengantuk
- kelesuan
- pening
- Ataksia (gangguan koordinasi otot)
- lemah anggota badan
- hipotonicity (mempunyai kurang daripada tona biasa atau ketegangan)
- gangguan pernafasan
- kekeringan kulit dan membran mucus
- takikardia (kadar degupan jantung yang cepat)
- tekanan darah tinggi
- hiperpireksia (kenaikan suhu badan melebihi paras normal)
- hiperaktif
- kerengsaan
- sawan
- kesukaran membuang air kecil

Semasa menggunakan DECO EXPECTORANT

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dan ubat-ubatan herba, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan DECO EXPECTORANT.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna DECO EXPECTORANT untuk merawat penyakit lain, kecuali diberitahu oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

DECO EXPECTORANT boleh menyebabkan rasa mengantuk dan menjejaskan prestasi dalam ujian kewaspadaan auditori (deria pendengaran). Jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Elakkan alkohol atau ubat-ubatan lain yang memberi kesan sedatif.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, DECO EXPECTORANT boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku:

- Depresi atau rangsangan sistem saraf pusat
- Mengantuk
- Gangguan tidur
- Khayalan
- Ruam kulit
- Takikardia (kadar degupan jantung yang cepat)
- Kekeringan mulut, hidung dan tekak
- retensi urinari

Jika gejala berterusan atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersebut di atas, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DECO EXPECTORANT

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Tutup dengan rapat dan betul.
Lindungi daripada cahaya terik.
Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna DECO EXPECTORANT

DECO EXPECTORANT adalah sirap coklat jenih dengan perisa dan bau buah plum. Ia boleh didapati dalam 90ml botol plastik amber.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Guaiphenesin 100mg/5ml

Tripolidine HCL 1.25mg/5ml

Pseudoephedrine HCL 30mg/5ml

Bahan-bahan tidak aktif:

Methyl paraben, sodium citrate, glycerin, liquid glucose, sour plum flavor, citric acid anhydrous, liquid caramel, sodium benzoate, sodium saccharin, sucrose & purified water.

Nombor MAL: **MAL20000207A**

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/11/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)261115/00460